

## Model Kurikulum Integrasi dalam Kurikulum Pendidikan Islam

### Model on Integrated Curriculum in Curriculum of Islamic Education

ZETTY NURZULIANA RASHED

AB HALIM TAMURI

SITI SUHAILA IHWANI

MOHD FAEEZ ILIAS

MARDHIAH YAHAYA

#### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan tentang dua model kurikulum integrasi yang diaplikasi dalam kurikulum Pendidikan Islam. Model ini adalah Model Integratif Robin Forgarty ini menerangkan tentang 'integrated' yang merupakan model yang bersifat 'interdisiplinari'. Di samping itu turut dibincangkan model Pendidikan Integrasi Dan Holistik Negeri Selangor. Konsep integrasi dan kaitan antara disiplin yang ingin ditonjolkan oleh Fogarty ini ialah melalui proses pepadanan sesuatu mata pelajaran dengan yang lain berdasarkan kepada persamaan konsep, kemahiran, nilai dan sikap yang berkaitan dengannya. Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan maklumat secara lebih terperinci. Dapatan kajian mendapati menunjukkan amalan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dalam kalangan guru dan murid merupakan intisari penting dalam model ini. Perkembangan kognitif, afektif serta psikomotor murid adalah pertimbangan yang perlu ditekankan oleh guru dalam model ini disamping pengukuhan pelbagai kemahiran seperti kemahiran metakognitif, kemahiran belajar dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam landasan disiplin ilmu yang bervariasi. Paradigma model ini merefleksikan bahawa sinergi guru perlu untuk saling berkerjasama bagi mengasimilasikan bidang disiplin masing-masing dalam proses pengintegrasian kurikulum di sekolah.*

*Kata kunci: Integrasi; Pendidikan Islam; kesepaduan*

#### ABSTRACT

*This article discusses two integration curriculum models applied in the the curriculum of Islamic Education. One of the models is the interdisciplinary Robin Forgarty's Integrated Curriculum Model which explains the concept of integrated curricula. Another model used in this paper is the Selangor State Integrative and Holistic Education Model. The integration concept and its relation to other knowledge discipline introduced by Forgarty is carried out by matching a subject with another subject based on their similarities in the concepts, skills, values, themes and topics. In this research, we used content analysis to gather detailed information on the topic at hand. The main finding illustrated that the meaningful teaching and learning practice among teachers and students is the major focus of the model. The students' cognitive, affective and psychomotor skills must (should?) be emphasized by teachers. At the same time, important skills such as metacognitive, study skills and problem solving skills should be reinforced given the diversity in knowledge discipline. The paradigm of these models reflects that the teacher's synergy is needed to develop cooperation in assimilating one's discipline in the process of curriculum integration at school.*

*Keywords: Integration; Islamic Education; unity*

#### PENGENALAN

Sistem pendidikan yang menggabungkan sains sosial atau sains kemasyarakatan, sains tabii atau sains natural serta sains ketuhanan adalah perlu diterapkan dalam kurikulum bermula peringkat rendah lagi dalam usaha memantapkan lagi masyarakat yang memartabatkan ilmu dan tamadun yang

berteraskan Islam. Usaha ini sebagai menyokong arus kebangkitan Islamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*) dalam kalangan sarjana Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia. Gabungan antara agama dan sains telah berlaku dengan begitu mantap sekali pada zaman keagungan Islam dahulu. Malah pada waktu-waktu tertentu telah lahir sarjana yang menguasai kedua-dua aspek ilmu agama dan ilmu

sains ini. Penghayatan agama dan sains amat perlu untuk mencari kebenaran tentang segala sesuatu yang wujud iaitu manusia, alam dan Tuhan (Azizan Baharuddin 2007; Mahmood Zuhdi 2000).

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM 1990) merujuk kesepaduan itu berdasarkan kepada konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ia dilaksanakan untuk memenuhi keperluan futuristik negara. Wan Mohd Zahid (1993) turut membincangkan konsep bersepadu daripada tiga dimensi iaitu pertama, kesepaduan kejadian insan yang terdiri daripada gabungan rohani, jasmani dan intelek. Kedua, kesepaduan dari perspektif ilmu yang merujuk kepada keperluan manusia untuk mempelajari ilmu-ilmu agama termasuk nilai-nilai murni, ilmu-ilmu kemanusiaan dan ilmu-ilmu tabii dan yang ketiga adalah kesepaduan dari segi usaha untuk memupuk kesedaran ketuhanan melalui pendidikan. Tajul Ariffin (2002a) turut menyatakan pendidikan bersepadu ini merupakan gabungan antara ilmu pengetahuan sains dengan ilmu agama. Pendidikan bersepadu yang dijalankan adalah mengintegrasikan prinsip-prinsip tertentu dalam falsafah ilmu Barat ke dalam kerangka tauhid sebagaimana yang dapat dilihat dalam konsep pendidikan bersepadu (Tajul Ariffin dan Abdul Raop 1986) iaitu “pendidikan yang berteraskan al-Quran dan as-Sunnah di samping adanya integrasi disiplin ilmu akal ke arah membina komuniti ummah dengan berteraskan kepada akidah”.

Konsep kesepaduan berpaksikan ketuhanan ini sebenarnya merupakan ciri utama dalam gagasan pendidikan sepadu (Habsah 2000 & Tajul Ariffin 2002). Nor Hayati (2003) pula menyatakan setiap bidang pendidikan harus memikul cabaran dalam menyeimbangkan tuntutan semasa iaitu menghasilkan sumber tenaga mencukupi untuk pembangunan sains negara berlandaskan tuntutan agama. Sistem pendidikan ini bertujuan untuk meningkatkan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini selaras dengan matlamat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Tuntutan ini bertujuan menghasilkan masyarakat seimbang, bersahsiah mulia dan mampu memikul tanggungjawab terhadap diri, masyarakat, negara dan alam sekitar (Abdul Rahim & Azharul Nizam 2007; Deuraseh 2010).

Sehubungan itu, guru Pendidikan Islam (GPI) juga perlu menyediakan projek yang autentik dengan kehidupan yang sebenar yang mana murid-

murid mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupan sebenar dan sejagat serta meningkatkan pengetahuan dan kreativiti murid. Pendidikan Islam pada abad ke-21 mestilah mampu melahirkan murid yang boleh berfikir, menaakul, membuat keputusan yang bijak, bekerja sebagai ahli pasukan, mengaitkan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan sebenar. Hal ini memerlukan kepada satu pengkajian yang mendalam yang menghasilkan panduan umum terhadap amalan pengajaran GPI yang membawa konsep kesepaduan ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam seterusnya melahirkan kecintaan dan ketaqwaan murid kepada Allah s.w.t yang Maha Pencipta. Untuk itu perlunya anjakan paradigma dan sikap yang lebih terbuka terhadap kemajuan sains dan teknologi Barat di samping memperbaharui pemikiran tentang keagamaan, sesuai dengan mentaliti semasa. Dengan kata lain, ia perlu kembali kepada prinsip-prinsip agama Islam yang unggul dan kemudian merealisasikannya dalam realiti masyarakat sejagat yang berasaskan kemajuan sains dan teknologi sekarang.

#### MODEL INTEGRASI KURIKULUM ROBIN FOGARTY

Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty (1991) merupakan antara model yang boleh dijadikan panduan oleh guru untuk mengintegrasikan ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah termasuklah Pendidikan Islam. Konotasi integrasi adalah sinonim dengan perkataan bersepadu, bergabung dan berpadu (Dewan Bahasa dan Pustaka t.t). Terminologi integrasi kurikulum kerap kali digunakan oleh pakar bidang pendidikan kurikulum seperti Drake (1993), Robin Fogarty (1991) dan Jacobs (1989). Manakala Vars (1987) pula menggunakan istilah korelasi dan gabungan dalam menghubungkan disiplin-disiplin ilmu dalam kurikulum pendidikan. Stevenson dan Carr (1993) lebih suka mengistilahkan kajian bersepadu.

Walau bagaimanapun, pengistilahan integrasi kurikulum telah melahirkan pelbagai perspektif dari segi definisi, teori dan model dalam kalangan sarjana barat (Chris 2012). Marcella (1998) antara yang telah merangkumkan penginterpretasian integrasi kurikulum dari kaca mata sarjana Barat. Beliau menyatakan bahawa integrasi kurikulum ataupun kurikulum bersepadu akan mewujudkan penyertaan guru dan murid secara aktif bagi memastikan keberkesanan pembelajaran yang bermakna. Selain

itu, integrasi kurikulum perlu melibatkan aktiviti pembelajaran yang interaktif disamping penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi menarik minat murid. Konsep ilmu bukan bersifat statik bahkan berkembang pesat serta diaplikasikan secara integratif mengikut realiti semasa, bukan terpisah antara satu sama lain (Marcella 1998).

Robin Fogarty merupakan antara sarjana Barat yang telah mencadangkan beberapa pendekatan dalam mengintegrasikan kurikulum. Menerusi bukunya, "*The Mindful School: How to Integrate the Curriculum*" (1991) membincangkan 10 model atau cara untuk mengintegrasikan kurikulum. Kesemua model ini dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Integrasi kurikulum dalam satu lapangan disiplin. Model dalam bahagian ini adalah *fragmented*, *connected* dan *nested*.
2. Integrasi kurikulum merentasi beberapa lapangan disiplin yang lain yang melibatkan lima model iaitu *sequenced*, *shared*, *webbed*, *threaded* dan *integrated*.
3. Integrasi kurikulum yang merangkumkan bahagian pertama dan kedua dengan menekankan pembangunan murid secara menyeluruh. Dua model yang ditekankan iaitu *immersed* dan *networked*.

Model pertama *fragmented* ialah model tradisional yang melihat setiap satu disiplin ilmu tidak mempunyai kaitan dengan disiplin ilmu yang lain. Justeru itu, pemisahan ini dapat diatasi jika disiplin tersebut diintegrasikan atau dalam istilah beliau, '*connected*' dengan disiplin lain melalui proses hubung kait antara sesuatu topik, konsep, fakta dan kemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu. Pengintegrasian ini menurut beliau dapat menghasilkan model kedua, iaitu memperlihatkan urutan antara disiplin. Model ketiga dikenali sebagai '*nested*' merupakan model yang berupaya untuk melihat dari pelbagai dimensi seperti kefahaman fakta asas, pembentukan konsep, kemahiran sosial dan kemahiran berfikir dari dalam sesuatu disiplin ilmu. Istilah '*nested*' yang digunakan oleh Fogarty ini menunjukkan bahawa suatu disiplin ilmu itu dapat dijadikan satu pusat himpunan segala bentuk fakta, konsep, kemahiran dan nilai yang disalurkan daripada disiplin ilmu yang lain.

Model keempat yang dinamakan '*sequenced*' merupakan penyusunan semula topik-topik atau unit-unit kandungan ilmu yang diajar secara terpisah. Penyusunan semula ini bertujuan mewujudkan satu kerangka yang lebih luas dengan proses

penggabungjalinan konsep-konsep yang ada kaitan antara satu sama lain dari berbagai-bagai disiplin.

Model kelima adalah '*shared*' iaitu menggabungkan dua disiplin yang berbeza tumpuan atau fokus yang sama. Perancangan dan pengajaran dua disiplin yang berbeza ini berdasarkan unsur kerjasama bagi guru yang terlibat. Model keenam adalah '*webbed*' yang melihat kurikulum dari perspektif yang menyeluruh dan serentak dengan meninjau kesemua disiplin yang ada. Ini dilakukan dengan memilih sesuatu tema utama dan dikaitkan dengan disiplin ilmu yang lain. Model ketujuh adalah '*threaded*' yang melihat kurikulum sebagai suatu bentuk sulaman yang mengandungi aspek kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kemahiran pembelajaran, teknologi dan pendekatan '*multi intelligence*' yang terlibat dalam proses pembelajaran kesemua disiplin ilmu.

Model kelapan adalah '*integrated*' yang merupakan model yang bersifat '*interdisciplinary*'. Konsep integrasi dan kaitan antara disiplin yang ingin ditonjolkan oleh Fogarty ini ialah melalui proses pepadanan sesuatu mata pelajaran dengan yang lain berdasarkan kepada persamaan konsep, kemahiran, nilai dan sikap yang berkaitan dengannya. Kesemua model yang berbentuk *sequenced*, *shared*, *webbed*, *threaded* dan *integrated* ini dapat dilaksanakan melalui proses merentasi disiplin ilmu. Model kesembilan adalah '*immersed*' merupakan model yang memperincikan sesuatu kandungan mata pelajaran kurikulum oleh diri pelajar sendiri dalam proses pembelajaran. Melalui model ini pembelajaran pelajar akan menyelami sesuatu topik secara mendalam untuk tafsiran dan pengertian daripada sesuatu fakta atau maklumat. Model ini ada kaitannya dengan model '*networked*' yang hanya dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh pelajar sendiri yang merupakan pakar dalam proses mengenal pasti perkaitan antara satu mata pelajaran dengan yang lain melalui aktiviti pengintegrasian. Kesemua model ini dikemukakan oleh Fogarty berdasarkan tanggapan bahawa sesuatu kurikulum itu merupakan satu jaringan proses pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan falsafah pendidikan yang berpusatkan kepada pelajar. Oleh yang demikian apa yang jelas dilihat daripada model-model ini ialah satu usaha untuk mengembangkan potensi pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu kandungan mata pelajaran dikaitkan antara satu sama lain dalam bentuk integratif. Dalam Jadual 1.1 menunjukkan aplikasi Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty dalam kurikulum Pendidikan Islam.

JADUAL 1. Aplikasi Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty dalam kurikulum Pendidikan Islam

Bil	Model	Huraian	Aplikasi
1	<i>Fragmented</i>	Satu bidang disiplin ilmu tidak dihubungkan antara satu sama lain dan diasingkan.	Unit akidah berteraskan rukun Islam dalam bidang akidah difokuskan kepada murid tanpa mengaitkan dengan mana-mana topik atau bidang lain dalam pendidikan Islam agar murid jelas bahawa intipati rukun Islam itu berkait rapat dengan peranannya sebagai khalifah dan hamba Allah s.w.t dalam memakmurkan alam sekitar.
2	<i>Connected</i>	Topik-topik dalam satu bidang disiplin ilmu dihubungkan.	Di bawah unit bersuci asas kebersihan dalam pendidikan Islam, topik konsep bersuci dihubungkan dengan topik wuduk yang mana masih di bawah satu bidang iaitu bidang ibadat tanpa dihubungkan dengan bidang-bidang pendidikan Islam yang lain. Konsep bersuci yang mungkin telah dipelajari oleh murid dikaitkan dengan amalan berjimat cermat dalam menggunakan air untuk berwuduk bagi menjamin kelestarian alam sekitar.
3	<i>Nested</i>	Kemahiran belajar, sosial dan kemahiran mengorganisasi idea disasarkan bagi satu unit atau topik kandungan dalam satu subjek sebagai usaha untuk memahami sepenuhnya disiplin kandungan tersebut. Dalam model ini, kandungan kurikulum masih kekal sebagai tumpuan utama pelajaran	Memfokuskan kepada satu topik iaitu mengenai kewujudan dan kebesaran Allah s.w.t di bawah bidang akidah dan dihubungkan dengan beberapa kemahiran belajar dan kemahiran berfikir. Guru menerapkan kemahiran menyelesaikan masalah kepada murid yang merupakan salah satu kemahiran berfikir mengenai segala kejadian di muka bumi ini adalah bukti kewujudan Allah s.w.t, tetapi kenapa masih berlaku eksploitasi alam sekitar secara rakus tanpa henti.
4	<i>Shared</i>	Unit atau topik disusun semula dalam kandungan kurikulum dalam satu disiplin iaitu satu subjek untuk dihubungkan dengan satu subjek lain yang mempunyai konsep yang sama dalam unit atau topik tersebut. Peranan dua orang guru yang berlainan bidang disiplin ilmu ditekankan bagi menyusun siri pembelajaran topik pelajaran bidang masing-masing pada siri masa yang bersalingan.	Topik adab kepada binatang dalam pendidikan Islam serta topik benda hidup dan benda bukan hidup dalam subjek sains diajar dalam minggu yang sama supaya murid dapat menghubungkan konsep kedua-dua topik tersebut menerusi beberapa kemahiran yang diterapkan. Guru pendidikan Islam dan sains perlu berbincang bagi menyusun topik-topik yang berhubungan konsep dalam rancangan pengajaran tahunan (RPT).
5	<i>Webbed</i>	Penggunaan pendekatan tematik adalah asas pengajaran bagi mengspesifikasikan konsep atau idea berdasarkan tema yang disasarkan.	Tema alam sekitar akan diajar dalam pendidikan Islam. Maka guru akan menghubungkan mana-mana maklumat dalam bidang pendidikan Islam itu sendiri bagi menjelaskan konsep hubungan alam sekitar dan Islam secara spesifikasi dan terperinci.
6	<i>Threaded</i>	Kemahiran berfikir, kemahiran sosial, kecerdasan pelbagai dan kemahiran belajar adalah di bawah satu jalur keperluan seluruh jaringan bagi pelbagai disiplin ilmu tanpa mengasingkan antara kemahiran-kemahiran.	Kemahiran murid dibangunkan dengan pelbagai pendekatan akan diajar dalam pendidikan Islam tentang bagaimana cara yang digalakkan oleh Islam bagi memelihara dan memulihara alam sekitar termasuklah penggunaan teknologi dan pertimbangan alternatif.
7	<i>Immersed</i>	Murid bertanggungjawab terhadap integrasi bidang ilmu yang diminati. Murid menyaringkan maklumat berdasarkan pemikiran mereka sendiri.	Murid akan merasakan satu kepentingan menghubungkan komponen alam sekitar dengan subjek pendidikan Islam berdasarkan strategi yang sesuai. Mereka akan berkongsi maklumat dengan rakan yang lain bagi memahami konsep perhubungan tersebut.
8	<i>Networked</i>	Murid mengarah secara langsung proses integrasi dengan didedahkan pelbagai rangkaian sumber dan pakar mengenai selok belok dan dimensi pelbagai bidang atau sesuatu disiplin ilmu.	Setelah murid didedahkan pelbagai sumber semasa proses integrasi pengajaran pendidikan Islam dengan pendidikan alam sekitar di sekolah secara holistik. Murid akan memiliki kemahiran membuat keputusan yang betul, bersikap dan bertindak positif terhadap alam sekitar serta terlibat dengan usaha melestarikannya berdasarkan nilai-nilai yang diterapkan.

bersambung ...

... sambungan

9	<i>Integrated</i>	Sekumpulan guru saling bekerjasama dalam bidang masing-masing bagi mencari pertindihan konsep dan idea-idea dalam subjek yang mereka ajar. Hal ini supaya mereka dapat merancang unit pengajaran sekaligus melaksanakannya dalam kelas.	Guru pendidikan Islam dan pelbagai guru dari berbeza opsyen berbincang mengenai mana-mana persamaan konsep atau nilai eko-etika Islam yang terdapat pada dalam subjek yang mereka ajar. Hal ini akan mendedahkan kepada murid mengenai penjagaan alam sekitar yang meluas dalam segenap aspek kehidupan.
10	<i>Sequence</i>	Dua bidang disiplin ilmu iaitu dua subjek saling berhubungan antara satu sama lain dalam memaknai konsep, idea dan kemahiran walaupun subjek-subjek itu terpisah atau terasing.	Guru pendidikan Islam akan menghubungkan mana-mana intisari dalam semua bidang pendidikan Islam dengan satu subjek yang lain bagi seperti sains bagi menjelaskan konsep alam sekitar menurut pandangan Islam

Sumber: Adaptasi dari Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty (1991)

Berdasarkan Jadual 1 tersebut menjelaskan amalan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna dalam kalangan guru dan murid merupakan intisari penting dalam Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty (1991). Perkembangan kognitif, afektif serta psikomotor murid adalah pertimbangan yang perlu ditekankan oleh guru dalam model ini disamping pengukuhan pelbagai kemahiran seperti kemahiran metakognitif, kemahiran belajar dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam landasan disiplin ilmu yang bervariasi (Marcella 1998).

Paradigma model ini merefleksikan bahawa sinergi guru perlu untuk saling bekerjasama bagi mengasimilasikan bidang disiplin masing-masing dalam proses pengintegrasian kurikulum di sekolah. Hal ini sekaligus menjustifikasikan peranan guru sebagai fasilitator dan pemudahcara bagi mewujudkan iklim pembelajaran aktif dalam kalangan murid (Robin Fogarty 1991). Maksudnya di sini, murid membina pengetahuan dan idea mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru berdasarkan pengalaman dan penyertaan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diadakan di sekolah. Selain itu, merujuk Jadual 1, pemilihan pendekatan, kaedah dan strategi pengajaran guru adalah perlu sesuai dengan cara mengintegrasikan kurikulum yang berfokuskan kepada satu lapangan disiplin sehinggalah yang lebih kompleks iaitu penyepaduan pelbagai bidang disiplin di samping pembangunan murid secara lestari. Keadaan ini akan mempengaruhi minat dan kefahaman murid terhadap pengajaran konsep, prinsip, hukum dan lain-lain secara teori mahupun praktik.

Berdasarkan Jadual 1, Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty (1991) ini dilihat selari dengan konsep kurikulum bersepadu dan pendidikan holistik menurut landskap Islam. *International Institute of Islamic Thought (IIIT)*, (1989) mengetengahkan lima ciri kurikulum bersepadu iaitu:

1. Bidang-bidang antara mata pelajaran saling berhubungan.
2. Kesepaduan antara teori dan amalan.
3. Pengalaman dalam kelas dihubungkan dengan pengalaman luar kelas.
4. Penerapan nilai-nilai murni merentasi kurikulum.
5. Pelestarian insan kamil dari segenap aspek seperti rohani, intelek, imaginasi, emosi dan fizikal.

Selain itu, Rahimah et al. (2012) juga telah membahaskan kurikulum bersepadu Islam dengan beberapa kriteria antaranya ialah pelbagai mata pelajaran yang saling dihubungkan atau disepadukan berdasarkan kesatuan teori dan amalan praktikal di dunia sebenar menerusi pengalaman menyertai aktiviti interaktif dan pembelajaran aktif, kesepaduan ilmu adalah berdasarkan kaca mata Islam dengan memberi peluang kepada murid bagi membangunkan pelbagai potensi diri dan kemahiran insaniah. Kedua-dua konsep kurikulum bersepadu Islam yang didatangkan ini memaparkan bahawa pendidikan holistik adalah matlamat dan tujuan utama pendidikan dalam landskap Islam bersesuaian dengan tuntutan kepada umat Islam supaya menguasai ilmu fardhu ain dan juga ilmu fardhu kifayah. Justeru, keserasian Model Integrasi Kurikulum Robin Fogarty (1991) dengan konsep kesepaduan ilmu menurut pandangan Islam adalah kedua-duanya menjurus kepada pendidikan holistik.

#### MODEL PENDIDIKAN INTEGRASI DAN HOLISTIK NEGERI SELANGOR (IHES).

Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) yang dibangunkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini merupakan satu sistem yang membantu sistem Pendidikan Islam di negeri

Selangor. Sistem ini diamalkan di kedua-dua maahad tahfiz sains ini sebagai nilai tambah sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada. Sistem ini juga merupakan suatu pendidikan yang sepadu, seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaian kurikulum dan media bagi mencapai visi, misi, matlamat, objektif dan falsafah pendidikan Bahagian Pendidikan Islam JAIS berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah untuk melahirkan hamba Allah s.w.t yang diredhai. Budaya amalan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber.

Perlaksanaan sistem IHES ini adalah berdasarkan kepada budaya amalan pembelajaran berterusan berteraskan al-Quran dan as-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber.

Di samping itu terdapat tiga bentuk pendekatan yang digunakan dalam sistem IHES ini iaitu 1; arahan (*instructional*), 2; kajian dan penyelidikan (*investigational*), 3; penghayatan (*immersion*). Manakala terdapat lima proses pendidikan yang berterusan dan konsisten iaitu pertama pengajaran dan pembelajaran kedua bimbingan dan pembelajaran, ketiga adalah latihan dan pembelajaran, keempat adalah nasihat dan pembelajaran dan yang kelima adalah rundingan dan pembelajaran.

Dalam aspek pentaksiran dan penilaian sistem IHES ini bukan semata-mata berfokuskan kepada peperiksaan tetapi memberi tumpuan dan fokus yang bersepadu, seimbang lagi menyeluruh dalam membentuk kemenjadian generasi al-Quran yang berasaskan akidah yang mantap. Antara aspek-aspek yang dititikberatkan adalah pertama berkaitan dengan penghayatan ilmu, kedua adalah pembentukkan akhlak mulia, ketiga adalah peningkatan kecekapan dan kemahiran, keempat adalah pencapaian akademik manakala yang terakhir adalah aplikasi dalam kehidupan.

Dalam sistem ini terdapat beberapa modul yang disediakan untuk pembangunan profesionalisme guru antaranya seperti:

#### 1. Program latihan pengenalan Sistem Pendidikan Integrasi dan Menyeluruh (IHES)

Program ini membincangkan tentang sistem IHES yang merangkumi dari aspek matlamat, keperluan, visi, misi dan falsafah pembentukkan sistem

ini yang memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan JAIS.

#### 2. Program Mengenal Diri

Program ini disusun bagi membuka ruang untuk guru-guru mensyukuri kejadian sebagai hamba Allah s.w.t di muka bumi sebagai ciptaan Allah s.w.t yang terbaik. Program ini juga mengajak bermuhasabah tentang kelemahan dan kesilapan diri serta berusaha memperbaiki diri guru agar menjadi lebih baik dari hari ke hari.

#### 3. Program *Craftmanship* dalam Berfikir

Melalui program-program ini diharapkan setiap guru dan staf memahami visi dan misi institusi serta matlamat sebenar pendidikan Islam. Kefahaman ini perlulah berdasarkan definisi Pendidikan Islam dari sumber al-Quran dan as-Sunnah. Guru-guru juga diharapkan berfikir secara kritis dan kreatif dalam merancang setiap gerak tindakan mereka sejajar dengan falsafah, matlamat, definisi dan hala tuju pendidikan JAIS.

#### 4. Program *Quranic Generation Development Programme*

Ia memberi fokus kepada menjana generasi al-Quran yang berteraskan kepada kemenjadian (*Outcome Based Learning*) yang membudayakan amalan pembelajaran (*Learning Practice*) berterusan berbanding hanya teori pembelajaran merupakan pelengkap dan tambah nilai kepada sebahagian sistem pendidikan yang berfokuskan kepada peperiksaan atau kecemerlangan akademik. Di samping itu matlamat dan objektif program ini adalah untuk melahirkan generasi al-Quran yang mempunyai tujuh ciri atau sifat kemenjadian iaitu:

- a. Tauhid atau akidah sebagai asas kehidupan yang diredhai Allah s.w.t.
- b. *Tazkiyah* iaitu mempunyai hati yang kembali kepada fitrah.
- c. *Hikmah* iaitu kesesuaian dengan al-Quran dan as-Sunnah.
- d. *Istiqamah* adalah berpendirian teguh, stabil dan mantap.
- e. *Muamalah* adalah individu yang berkemahiran komunikasi dan interaksi.
- f. *Deen* adalah individu yang menjadi Islam sebagai sistem kehidupan yang lengkap.
- g. Amanah kepada matlamat dan peranan hidup.

## RUMUSAN

Konsep integrasi atau kesepaduan ini berkait dengan satu himpunan konsep hubungkait, cantuman, saling hubungan, gabung jalin, penyambungan, kesinambungan, penyelarasan, pertalian, perkaitan, interaksi, kerjasama, merentas disiplin, kesalingbergantungan dan penyatuan. Konsep integrasi atau holistik ini berbeza sama sekali dengan takrifan Barat. Dalam Islam, konsep integrasi ini berpaksikan prinsip tauhid, manakala konsep integrasi Barat pula berpaksikan perspektif sekular dan materialis. Kurikulum bersepadu mengikut konsep Islam bukanlah sekadar memasukkan semua jenis ilmu pengetahuan ke dalam kurikulum induk dengan setiap matapelajaran, tetapi bersepadu sebenarnya adalah semua jenis pengetahuan sama ada teori atau amali, sama ada berunsur keduniaan atau akhirat yang bersifat kait mengait, di mana kedua-duanya membekalkan unsur akidah, syariah dan akhlak yang saling mempengaruhi bagi mendorong keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t Pendidikan bersepadu ditakrifkan sebagai pendidikan yang berpaksikan ketuhanan dan bertujuan menghasilkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani. Usaha ke arah mencapai matlamat ini dibuat melalui penyepaduan ilmu pengetahuan, nilai murni dan akhlak, situasi pengajaran dan pembelajaran bersepadu yang merangkumi aspek kemahiran, bahasa, ko-kurikulum dan budaya sekolah.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan & Azharul Nizam Zahari. 2007. Konsep bersepadu serta penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran matematik menengah rendah. <http://eprints.utm.my/10466/1/> Diakses pada: 15 Februari 2012.
- Azizan Baharuddin. 2007. Pendekatan holistik agama dan sains: Mekanisme dan penghayatan penyelesaian alternatif. Dlm. *Wacana Sejarah dan Falsafah Sains Pendekatan Holistik Sains dan Agama: Cabaran ketamadunan*, disunting oleh Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 7-34 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deuraseh, N. 2010. Earth in the holy qur'an: How to protect and maintain it? *Jurnal Hadhari* 2(2): 73-88.
- Habsah Ismail. 2000. Kefahaman guru tentang konsep pendidikan bersepadu dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM). Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jacob, E. 1988. Clarifying qualitative reseach: A focus on traditions. *Educational Researcher* 17(1): 16-24.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. 2000. *Tokoh-tokoh Kesarjanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hayati Hj. Alwi. 2003. Pembentukan model pembangunan insan kamil dalam pengajaran Sains. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Hayati Hj. Alwi. 2005. Ke arah pembentukan model pembangunan insan sains seimbang dalam pendidikan Sains. *Jurnal Teknologi Jun* (42): 77-93.
- Othman Lebar. 2012. *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tajul Ariffin Nordin & Abdul Raop Dalip. 1986. *Pendidikan Sepadu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2002a. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2002b. *Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah, perguruan dan persekolahan*. Kuala Lumpur: Areana Ilmu (M) Sdn.Bhd.
- Tajul Ariffin Nordin. 1988. *Konsep Asas Pendidikan Sepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. 1993. *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.1998. *De-moralizing moral education. Unesco- APNIEVE Sourcebook, Learning to Live Together in Peace and Harmony*. Bangkok: UNESCO.
- Dr. Zetty Nurzuliana Rashed  
Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Bangi  
Selangor  
zetty@kuis.edu.my
- Profesor Dato' Dr. Ab Halim Tamuri  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Bangi  
Selangor  
tamuri@kuis.edu.my
- Dr. Siti Suhaila bte Ihwani  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
Kuala Lumpur  
suhailanas@gmail.com
- Dr. Mohd Faez Ilias  
Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Bangi  
Selangor  
faez@kuis.edu.my

Mardhiah Yahaya  
Jabatan Tahfiz al Quran dan al Qiraat  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Bangi  
Selangor  
mardhiah@kuis.edu.my